

03 NOV 2002

Mahathir-Globalisasi/I

KESTABILAN PASARAN KEWANGAN KUNCI KEPADA GLOBALISASI YANG ADIL

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Kestabilan pasaran kewangan merupakan kunci kepada proses globalisasi dan liberalisasi bagi memanfaatkan semua pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami ingin lebih banyak berdagang, membuka lebih banyak pasaran dan menikmati pendapatan yang bertambah serta meningkatkan kebajikan yang sepatutnya diperolehi daripada globalisasi. Kestabilan dalam pasaran kewangan penting untuk mencapainya," kata Perdana Menteri.

Ketika berucap merasmikan penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, Dr Mahathir berkata sistem kewangan antarabangsa yang adil serta yang memberi ganjaran kepada kerja keras, adalah penting berbanding kegiatan spekulatif yang mengambil kesempatan daripada pihak yang lemah dan kurang maklumat.

"Spekulasi bukanlah satu perniagaan. Ia berbentuk judi. Ia menjadi lebih buruk apabila, dalam usaha mendapatkan perolehan yang tinggi, langkah-langkah manipulatif pula digunakan," katanya.

Dr Mahathir berkata satu sistem kewangan Islam yang ditadbir dengan baik akan mewujudkan susunan sosial yang berkesan selain dapat meningkatkan pendapatan semua pihak.

Beliau berkata prinsip perbankan Islam memerlukan transaksi kewangan disokong oleh perdagangan atau kegiatan perniagaan yang tulen.

Oleh itu, kegiatan bukan dagangan seperti spekulasi mata wang, derivatif dan manipulatisi kewangan yang tidak produktif harus diketepikan, katanya.

Dr Mahathir berkata teras kepada perbankan Islam menyediakan satu sistem kewangan yang memberi hasil kepada produktiviti.

Sistem kewangan Islam secara asasnya melarang sama sekali pemberian atau penerimaan perolehan terjamin yang sudah ditentukan lebih awal, dan ini sebenarnya menegah konsep faedah.

Satu lagi larangan ialah keuntungan terlalu tinggi daripada manipulasi harga dan bekalan secara tidak berprinsip, katanya.

Dr Mahathir mencadangkan satu kaedah kewangan antarabangsa yang menggalakkan pertumbuhan seimbang termasuk daripada segi pengagihan pendapatan, aliran modal yang kurang menyulitkan dan pasaran kewangan yang lebih stabil.

Bagaimanapun, kemajuan dalam pembaharuan kewangan antarabangsa setakat ini hanya tertumpu kepada inisiatif untuk menggalakkan negara-negara membangun menerima pakai standard dan tatacara antarabangsa, meningkatkan ketelusan dan penghebahan maklumat serta menggalakkan penyertaan yang lebih oleh sektor swasta dalam menyelesaikan krisis, katanya.

Yang lebih penting, kata Dr Mahathir, ialah sektor swasta khusus dana lindung nilai, perlu menjadi lebih telus.

Beberapa kejadian kebelakangan ini menunjukkan dana lindung nilai dan korporat di Amerika Syarikat, boleh melencong daripada jalan beretika, katanya.

"Jika tiada usaha dilakukan, lebih banyak entiti korporat akan jatuh dan meruntung yang lain dalam pasaran," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

LES ZS MAI